

NO. SOALAN: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 8 MAC 2016 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan laporan terkini Model Indeks Syariah yang mengukur pencapaian setiap dasar dan program kerajaan dalam menterjemah nilai dan prinsip Islam sejak pelancarannya.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Indeks Syariah Malaysia (ISM) adalah satu indeks yang dibangunkan oleh Kerajaan untuk mengukur dan menilai tahap keseriusan negara Malaysia dalam mencapai lima *maqasid syariah*(objektif syarak) iaitu memelihara agama, jiwa, keturunan, akal dan harta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ISM yang dilancar oleh YAB Perdana Menteri pada 10 Februari 2015 yang lalu, telah melalui beberapa fasa pelaksanaan ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara pertama dan model tadbir urus berteraskan *maqasid syariah*. Pada masa ini penyelidikan ISM dalam lapan bidang utama pentadbiran negara telah selesai dilaksanakan oleh pakar dan penyelidik dari lima buah universiti awam, iaitu:

- a. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) – Pendidikan;
- b. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) - Perundangan Islam;
- c. Universiti Utara Malaysia (UUM) – Politik;
- d. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) – Ekonomi dan Kesihatan; dan
- e. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) - Budaya, Sosial, Prasarana dan Persekitaran.

Hasil dapatan daripada penyelidikan tersebut akan dibentang oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Mac 2016, bersempena dengan Majlis Perdana Ulama- Umara 2016.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL TEO YU KENG

TARIKH : 8.3.2016

SOALAN : NO. 18

Y.B. Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada pihak Kementerian boleh mempertimbangkan untuk menerima seseorang pemegang Unified Examination Certificate (UEC) yang juga mempunyai "kepujian" dalam Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi sebelum ini telah mengambil pendirian untuk tidak mengiktiraf Unified Examination Certificate (UEC) untuk tujuan kemasukan ke universiti awam (UA) dan akan meneruskan pendirian ini di atas sebab-sebab yang berikut:

1. UEC tidak selari dengan kurikulum kebangsaan seperti yang dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996;
2. Bahasa Melayu dalam UEC tidak setara dengan SPM;
3. Liputan sejarah negara dalam kurikulum UEC adalah tidak mencukupi; dan
4. Syarat am kelayakan masuk UA hendaklah lulus SPM dengan kepujian dalam Bahasa Melayu.

Kementerian boleh mempertimbangkan kemasukan sekiranya seseorang calon UEC itu memenuhi Syarat Am kemasukan ke UA iaitu Warganegara Malaysia dan mempunyai kelayakan SPM/Setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya lima kepujian termasuk Bahasa Melayu dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013 dalam peperiksaan SPM.